

Ghaz: Yahudi mahu pecah dua Lebanon

KUALA LUMPUR, Isnin — Sikap ganas Israel mencero boh Lebanon, kerana berhasrat mewujudkan satu wilayah di negeri itu bagi masyarakat Kristian Maronite sokongan Yahudi, kata Menteri Luar, Tan Sri Ghazali Shafie hari ini.

Menurutnya, tindakan yang dilakukan oleh Israel hanya mengikut perasaan dan benar-benar tidak bermoral.

Bercakap kepada para pemberita di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur di Subang sebelum berlepas ke Singapura menghadiri persidangan ke-15 Menteri-menteri Luar ASEAN, beliau mensifatkan serangan Israel sebagai satu kemungkinan nyata tentang pemecahan Leb-

anon.

Serangan itu mengakibatkan banyak nyawa terkorban dan kerugian harta benda ke atas masyarakat Lebanon dan Palestin, katanya.

Berhubung dengan perkara itu, Malaysia sedang menimbang untuk menyediakan bantuan kemanusiaan kepada Lebanon, ujarnya.

Beliau melahirkan harapan orang ramai menghulurkan sumbangan mereka melalui Wisma Putra.

Tan Sri Ghazali menyeru negara-negara Arab bersatu menghadapi sikap degil Israel di Asia Barat.

Menurutnya, kelemahan negara-negara Arab menghadapi keganasan Israel itu kerana mereka tidak menyemaikan semangat

perpaduan dan tanggungjawab yang lebih erat.

Beliau berharap keadaan terbaru di rantau itu akan menjadi satu pengajaran di kalangan negara sahabat Arab.

Semasa menghadiri mesyuarat Jawatankuasa Pendamai Pertubuhan Persidangan Islam di Jeddah baru-baru ini, beliau menemui pemimpin Pertubuhan Pembebasan Palestin, Encik Yasser Arafat.

Tan Sri Ghazali berkata, Encik Yasser melahirkan penghargaan atas sokongan tegas Malaysia kepada cita-cita dan perjuangan PLO.

Malaysia tambahnya adalah antara negara pertama menyediakan sebuah pejabat untuk wakilnya di sini dan kemudian menaikkan kepada taraf diplomatik.